



اوتنورسيتي مليسيا فهج السلطان عبد الله
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

GARIS PANDUAN PELANTIKAN SKIM PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (SPPS) UMPA

KANDUNGAN

NO	PERKARA	MUKASURAT
	PERMOHONAN & PERATURAN	
1.0	Definisi dan Tujuan	3
2.0	Syarat-Syarat Permohonan	3
3.0	Peruntukan dan Tempoh	4
4.0	Kelulusan	4
5.0	Kemudahan	5
6.0	Tatatertib dan Kelakuan	5
7.0	Pembayaran	5
8.0	Pelanjutan dan Penamatan	6
	LAMPIRAN	
	Tatacara Permohonan Atas Talian	7

1.0 DEFINISI DAN TUJUAN

Skim Pembantu Penyelidik Siswazah (SPPS) adalah skim bagi pelantikan yang ditawarkan kepada pelajar UMPSA di peringkat pengajian pasca siswazah secara sepenuh masa mod penyelidikan dimana pengajiannya berkaitan penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik.

2.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 2.1 Pelajar pasca siswazah yang ingin memohon perlu memohon secara atas talian melalui *E-Community* pelajar. Pemohon perlu mendapat sokongan dan syor Ketua Projek dan menghantar permohonan untuk kelulusan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi. (Rujukan Lampiran Tatacara Permohonan Atas Talian)
- 2.2 Pelajar mestilah diselia oleh Ketua Projek atau Penyelidik Bersama selaku penyelia utama (*main supervisor*) dalam projek penyelidikan tersebut.
- 2.3 Bagi pelajar yang mendapat bantuan kewangan lain adalah turut dibenarkan memohon bagi pelantikan SPPS dibawah projek penyelidikan.
- 2.4 Pelajar mestilah dilantik dan dibiayai semasa tempoh projek penyelidikan aktif, ditahap kewangan semasa dan memenuhi syarat minimum tempoh lantikan bagi kiraan output penyelidikan (output bakat).
- 2.5 Skop penyelidikan dan tajuk tesis pelajar mestilah berkaitan dengan projek penyelidikan yang diluluskan.
- 2.6 Pelajar yang dilantik mestilah bukan Ketua Projek atau Penyelidik Bersama yang sedang menyambung pengajian atau bercuti belajar.

- 2.7 Pelajar hanya boleh dilantik dibawah satu projek penyelidikan dalam satu-satu masa. Pertindihan tempoh lantikan adalah tidak dibenarkan.
- 2.8 Pelajar perlulah memberikan maklumat yang tepat dan benar dalam borang permohonan. Pihak Jabatan Penyelidikan dan Inovasi berhak menolak permohonan ataupun membatalkan kelulusan lantikan pada bila-bila masa sekiranya terdapat sebarang maklumat yang diberikan tidak benar.

3.0 PERUNTUKAN DAN TEMPOH

- 3.1 Elaun pelajar dibayar daripada V11000 projek penyelidikan yang membenarkan pelantikan SPPS.
- 3.2 Ketua Projek perlu menentukan kadar bayaran berdasarkan kadar yang telah ditetapkan dalam garis panduan geran penyelidikan. Walaubagaimanapun, Ketua Projek boleh menentukan kadar yang lebih rendah mengikut kemampuan peruntukan projek penyelidikan, tempoh projek dan baki nilai V11000 yang ada.
- 3.3 Ketua Projek juga perlu menentukan tempoh masa berdasarkan tempoh yang sesuai berdasarkan skop kerja projek penyelidikan.

4.0 KELULUSAN

- 4.1 Bagi permohonan SPPS yang telah diluluskan, sistem akan menghantar pemakluman dan surat kelulusan kepada pelajar dan Ketua Projek ke *E-Community > Memo > Appointment Reminder & Others*. Pelajar dan Ketua Projek boleh menyemak dan muat turun surat kelulusan di *E-Community > Memo > Appointment Reminder & Others*. Ketua Projek perlulah menyimpan surat kelulusan tersebut untuk kegunaan pelaporan dalam Laporan Kemajuan dan Laporan Akhir.

5.0 KEMUDAHAN

- 5.1 Pelajar tidak layak menerima apa-apa kemudahan atau keistimewaan sebagaimana yang diberikan kepada kakitangan UMPSA.
- 5.2 Pelajar tidak akan diberi kemudahan perubatan seperti yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan perubatan bagi kakitangan UMPSA. Pihak Jabatan Penyelidikan dan Inovasi/Ketua Projek yang melantik juga tidak akan membayar sebarang bil-bil perkhidmatan perubatan yang diperolehi oleh pelajar dari mana-mana klinik atau hospital.

6.0 TATATERTIB DAN KELAKUAN

- 6.1 Sepanjang lantikan, pelajar lantikan SPPS juga adalah tertakluk kepada Perlembagaan Universiti dan segala Statut, Akta, Peraturan-peraturan dan Kaedah-kaedah yang berkuatkuasa di Universiti ini dan kepada Arahan-arahan Pentadbiran yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Universiti dari semasa ke semasa.

7.0 PEMBAYARAN

- 7.1 Semua bayaran elaun akan diproses secara terus berdasarkan kadar dan tempoh yang telah diluluskan setelah Senarai Nama Pembayaran Elaun SPPS disahkan oleh Fakulti dan Jabatan Penyelidikan & Inovasi.
- 7.2 Bagi bayaran yang tertinggal atau tertunggak pelajar boleh mengisi Borang Tuntutan Elaun Skim SPPS dan disahkan oleh Ketua Projek dan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi. Borang tersebut perlu dihantar ke Jabatan Penyelidikan dan Inovasi untuk kelulusan.

- 7.3 Jadual proses pembayaran Elaun SPPS adalah seperti berikut;
- (a) Semakan Fakulti bermula 20 sehingga 25hb setiap bulan.
 - (b) Semakan dan proses oleh Jabatan Penyelidikan dan Inovasi kepada Jabatan Bendahari dalam tempoh 25 hingga 30hb setiap bulan.
 - (c) Jabatan Bendahari akan mengkreditkan ke akaun pelajar dalam tempoh 01 hingga 10hb bulan berikutnya.
 - (d) Tertakluk kepada perubahan tertentu seperti cuti umum yang memerlukan bayaran dibuat lebih awal.

8.0 PELANJUTAN DAN PENAMATAN


- 8.1 Pelajar boleh memperbaharui atau melanjutkan pelantikan SPPS dengan mendapat sokongan Ketua Projek dan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi.
- 8.2 Ketua Projek bertanggungjawab memantau pelajar yang dilantik dan memaklumkan secara bertulis kepada Jabatan Penyelidikan & Inovasi bagi penamatan atau pemberhentian pelajar skim SPPS dibawah projek penyelidikan.
- 8.3 Penamatan atau pemberhentian pelajar dibawah skim SPPS adalah apabila;
- (a) Pelajar digugurkan daripada pengajian
 - (b) Tempoh projek penyelidikan telah tamat atau baki projek penyelidikan tidak mencukupi
 - (c) Ketua Projek mengesyorkan secara bertulis penamatan pelajar apabila didapati prestasi pelajar tidak memuaskan.
 - (d) Sekiranya pelajar itu sendiri ingin menamatkan perkhidmatan sebagai SPPS pelajar tersebut perlulah memberikan pemakluman bertulis yang disahkan oleh Ketua Projek kepada Jabatan Penyelidikan & Inovasi.

LAMPIRAN TATACARA PERMOHONAN ATAS TALIAN SKIM PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (SPPS)

1. Student E-community > Click SPPS Online Application



2. Choose Research Grant No > Apply



3. Fill In The Information

SPPS / SPB ONLINE

Dashboard

SPB Application Online

SPPS Application Online

GRADUATE RESEARCH ASSISTANCE (GRA) APPLICATION FORM UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

A. APPLICANT INFORMATION

STUDENT ID & NAME :
 GENDER : FEMALE NRIC/PASSPORT NO. :
 NATIONALITY : MARITAL STATUS : MARRIED
 ADDRESS : 26600 PEKAN PAHANG MALAYSIA
 TELEPHONE/HP NO. :

B. ACADEMIC BACKGROUND

FACULTY/INSTITUTE :
 PROGRAMME : Master Ph.D
 FIELD OF STUDY :
 SEMESTER OF REGISTRATION :
 REGISTRATION DATE :
 THESIS TITLE :
 ADVISOR / SUPERVISOR NAME :
**for post graduate only*

C. BANK ACCOUNT DETAILS

BANK NAME :
 ACCOUNT NO. :

Search Users - Google Chrome

localhost:9999/ecommstafflive/SPPS/searchResearch.jsp

List Of Research


Search By
 Research ID :
 Project Leader Name : Search

Research ID	Title	Project Leader
RDU170375	CHARACTERISTIC OF ELECTRICAL SIGNAL OF TRANSIENT LUMINOUS EVENTS (TLES)IN PEKAN PAHANG	01557 - AMIR IZZANI BIN MOHAMED
GRS1503120	Development of a Kalman Filter-based Metaheuristic Optimization Algorithm	01498 - ZUWAIIRIE BIN IBRAHIM
PGRS160378	Application of Ant Lion Optimizer to Solve Optimal Reactive Power Dispatch Problem	01493 - MOHD HERWAN BIN SULAIMAN
RDU170374	DEVELOPMENT OF TRANSMISSION LINE PROTECTION ALGORITHM BASED ON LINE STABILITY INDEX	0636 - RUHAIZAD BIN ISHAK
RDU1703163	Pattern Recognition Modelling for Muscle Fatigue during Islamic Prayer (Solat) using Surface Electromyography (sEMG)	0634 - NURUL WAHIDAH BINTI ARSHAD
RDU1703160	Sigmoid-based PID Controller for Five-Level Diode-Clamped Inverter	0552 - ROSMADI BIN ABDULLAH


D. PROJECT RESEARCH INFORMATION

PROJECT CODE / RDU : Search
 PROJECT LEADER :
 PROJECT TITLE :
 PROJECT DURATION : START DATE: END DATE:
 APPOINTMENT DATE AS GRA : START DATE: END DATE:
 SPB RATES/HOUR : RM / hours SPB Rate
(Please attach a copy of the highest qualification for the determination of minimum wage rates.)

4. Upload Documents (Matric Card & Postgraduate Offer Letter)



5. Project Leader E-Community > Click Research Application Recommendation



6. Project Leader Recommend Student SPSS Application

The screenshot shows a web dashboard with a sidebar on the left containing 'Dashboard' and 'SPSS / SPB'. Under 'SPSS / SPB', there are two items: 'View All Record' and 'Application Recommendation', which is circled in red. The main content area is titled 'APPLICATION RECOMMENDATION LIST' and contains a table with the following columns: #, APPLY DATE, RESEARCH ID, APPLY BY, DATE, APPLICATION, STATUS, VIEW, and RECOMMEND?. The table currently displays 'No Record Found!'.

7. Student Print The Application And Get The Signature Of The Supervisor

The screenshot shows a printed application form for Graduate Research Assistance (GRA) at Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah. The form is divided into four main sections:

- A. APPLICANT INFORMATION:** Includes fields for Student ID & Name, Gender (FEMALE), Nationality (IRAN), Address (6617878119 SANANDAU), Telephone/HP No., and Email.
- B. ACADEMIC BACKGROUND:** Includes Faculty/Institute (Faculty of Mechanical and Automotive Engineering Technology), Programme (MASTER), Field of Study (Master of Science), Semester of Registration (1st 2021-2022), Thesis Title (Investigation Of Mxene/Gr As Additive Lubricant For Piston Ring Cylinder Liner Material), Registration Date (28-SEP-2021), and Advisor/Supervisor Name.
- C. BANK ACCOUNT DETAILS:** Includes Bank Name (Maybank Islamic) and Account No.
- D. PROJECT RESEARCH INFORMATION:** Includes Project Code / RDU, Project Leader, Project Title (RINGE/VALVINDER LINER MATERIAL), Project Duration (START DATE: 23/05/2022, END DATE: 22/05/2024), Appointment Date (START DATE: 01-OCT-2023, END DATE: 31-DEC-2023), and GRA Allowance/Wages (RM 1800 / month). It also includes a table for 'Other Scholarship/financial assistance (if any)' with columns for Name, Value (RM), and Duration (Year).

8. Send The Application To Faculty's Research Administration > Research & Innovation Department

Kelulusan Mesyuarat Senat Universiti Ke-229 Bil. 11/2024 Disember 2024

**Jabatan Penyelidikan & Inovasi
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan
Pahang Daru Makmur**